



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

HADHANAH

DAN

BIDANGKUASA MAHKAMAH SYARI'YYAH

OLEH

MOHAMAD RAIS BIN RASID

LATIHAN ILMIAH

BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN

DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK MENDAPAT

DIPLOMA UNDANG-UNDANG

PENTADBIRAN KEHAKIMAN

ISLAM

SESI 1991/1992

DIBAWAH PENYELIAAN :

DR. KASSIM BIN SALLEH

KULIAH UNDANG-UNDANG

INIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA

KUALA LUMPUR

MALAYSIA

## UCAPAN PENGHARGAAN

Al-hamdulillah Wassalmualla Rasulullah S.A.W. Saya bersyukur kepada Allah S.W.T. yang telah memberi kepada saya kelapangan dalam usaha-usaha saya untuk menyelesaikan satu kajian ilmiah yang telah diwajibkan kepada saya oleh pihak Universiti bagi memenuhi syarat untuk mendapatkan "Diploma Pentadbiran Kehakiman Islam" bagi sesi 1991/1992.

Dengan ini saya terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Penyelia saya iaitu Dr. Kassim bin Mat Salleh. Beliaulah yang bertanggung-jawab memberi bimbingan, pandangan, teguran dan penyemakkan terhadap tesis ini. Semoga dengan pandangan dan teguran yang diberikan itu akan dapat membawa kajian ilmiah saya ini bertambah sempurna lagi.

Sekian Wassallam.

Program :

Diploma Pentadbiran Kehakiman Islam

Universiti Islam Antarabangsa

Petaling Jaya

Selangor Darul Ehsan

Malaysia.

# HADHANAH DAN BIDANG KUASA MAHKAMAH SYARI'YAH

	<u>Mukasurat</u>
Pendahuluan	(i) - (iv)
 <b>BAB PERTAMA</b>	
1. Diformasi Hadhanah	1
a) Dari segi Bahasa	1
b) Dari segi Istilah	1 - 2
c) Kesimpulan	2
2. Dalil disyariatkan Hadhanah	3
a) Al-Quran	3 - 5
b) Al-Hadis	5 - 7
c) Al-Ijmak	7
3. Hikmah disyariatkan Hadhanah	7 - 8
4. Hukum Hadhanah	8 - 9
 <b>BAB KE-DUA</b>	
A. Sebab-sebab diwajibkan Hadhanah	10
B. Ibu lebih berhak menjada anak daripada bapa	11 - 13
a) Sebab-sebab diutamakan ibu daripada bapa	14
b) Dalil-dalilnya	14 - 17

C.	Orang-orang yang berhak menjadi pengasuh	18
	a) Berhimpunnya perempuan-perempuan sahaja	18 - 19
	b) Berhimpunnya lelaki sahaja	19 - 20
	c) Berhimpun lelaki dan perempuan	20 - 21
D.	Syarat-syarat yang diwajibkan pada pengasuh	21
	a) Daripada pihak Asobah, Zawil Ar-Ham atau daripada pihak perempuan	21 - 22
	b) Keahlian orang yang mengasuh	23 - 26
	c) Syarat-syarat pemeliharaan oleh Asobah dan lelaki	26
E.	Hilang kelayakkan mengasuh	27 - 29
F.	Anak tidak berkeluarga	29
	a) Ketiadaan ibu dan bapa	29 - 31
	b) Tidak mempunyai keluarga dan mahram	31
	c) Tiada waris	31 - 32
G.	Had umur penjagaan kanak-kanak	32 - 33
	1) Kanak-kanak berumur 7 tahun kebawah	33 - 36
	2) Kanak-kanak mumayyiz	36 - 42
H.	Kedudukan anak diantara ibu dan bapa	43
	1) Hak bapa melihat atau menziarahi anaknya	44
	2) Hak ibu melihat dan menziarahi anaknya	45 - 46
	3) Hak anak menziarahi kedua orang tuanya	46 - 50
	4) Masa Berziarah	50 - 51
I.	Tempat dan pengasuh hendak musafir	51 - 59
J.	Upah mengasuh	59 - 65

### **BAB KE-TIGA**

#### Bidang kuasa Mahkamah Syari'yyah terhadap Hadhanah 66

i)	Mukadimah	66 - 67
A)	Menentukan orang yang berhak menjadi pengasuh	68 - 74
B)	Hilang kelayakkan mengasuh	74 - 75
a.	Hak seseorang perempuan terhadap hadhanah adalah hilang	75 - 78
C).	Menguatkuasakan wasiat	78 - 80
D).	Tempuh mengasuh kanak-kanak	80
	a) Bawah umur Mumayyiz	80 - 85
	b) Penjagaan setelah umur Mumayyiz	85 - 90
E.	Perintah penjagaan anak yatim	90 - 91
F.	Perintah penjagaan bersama ibu	91 - 92
G.	Perintah larangan membawa keluar anak dari Malaysia	93
H.	Contoh penyata tuntutan (permohonan) Hak Hadhanah	97 - 100

### **BAB KE-EMPAT**

	Pindaan perkara 121 (1A) Perlembagaan Malaysia	101
a.	Mukadimah	101 - 104
b.	Perkembangan Muta'akhir	105 - 108
c.	Pindaan dan kesannya	109 - 117

d.	Perbandingan dahulu dan sekarang	118
	a) Perundangan Islam dahulu	118 - 128
	b) Perundangan Islam sekarang	129 - 143
e.	Tindakan susulan masa depan.	142 - 147
f.	Lampiran Kes-kes.	
g.	Penutup.	

## HADHANAH DAN BIDANGKUASA MAHKAMAH SYARI'YYAH

### MUKADIMMAH

Al-Quran telah diutuskan oleh Allah S.W.T. di-mana mengandungi peraturan-peraturan, bukan setakat peraturan hamba dengan penciptaNya, bahkan hubungan manusia dengan manusia. Untuk mendapatkan hubungan yang baik yang penuh dengan kasih sayang diantara mereka. Maka ulamak-ulamak Islam telah membuat kaedah-kaedah bagi membentuk sebuah keluarga yang baik dan mulia. Keluarga adalah satu unit-unit keluarga yang dapat membentuk sebuah masyarakat samada kampung, pekan, daerah dan juga negara.

Untuk mendapat sebuah keluarga yang sempurna, penjagaan anak-anak (hadhanah) amat dititik beratkan oleh Islam, kerana dengan itu, proses pembesaran kanak-kanak akan sempurna. Jika pengasuhan atau penjagaan kanak-kanak itu diberi perhatian yang baik dan sempurna dengan mengikut peraturan atau kaedah yang telah dibuat oleh ulamak Islam, yang mana ia berpandukan kepada Al-Quran dan sunnah Nabi, maka masyarakat Islam itu juga akan sempurna.

Dengan ini jelas kepada kita bahawa kefahaman terhadap pengasuhan kanak-kanak itu dengan berdasarkan kepada lunas-

lunas Islam amatlah mustahak dan memberi manfaat sekali, lebih-lebih lagi dizaman moden ini yang penuh dengan cabaran. Tanggung-jawab mengasuh kanak-kanak itu adalah terletak dibahu kedua orang tuanya atau kepada mereka yang dipertanggung-jawab oleh undang-undang.

Hadhanah atau penjagaan kanak-kanak itu bukan setakat menyediakan makan minum dan pakai sahaja, bahkan menyeluruh sehingga kepada pendidikan dan pengasuhan yang sempurna. Hadhanah atau penjagaan kanak-kanak itu selalu dipertikaikan oleh ibu bapa kanak-kanak itu, disebabkan oleh keretakan rumahtangga, atau disebabkan perceraian. Kanak-kanak yang selalu menjadi rebutan diantara keduanya ialah dalam lingkungan umur 11 atau 12 tahun kebawah, kerana diperingkat itu kanak-kanak itu memerlukan pengasuh yang mempunyai sifat kasih sayang, supaya proses pembesaran kanak-kanak itu dapat tumbuh dengan baik.

Hadhanah atau penjagaan kanak-kanak adalah satu perkara penting dalam pandangan Islam, maka saya akan cuba membuat penyelesaian dengan cara penguatkuasaan Hukum Fiqah melalui Enakmen Undang-undang Keluarga Islam di-Malaysia. Kita telah mengetahui hadhanah menurut pandangan Islam, tetapi masih ramai orang yang tidak menghayatinya, dengan itu hukum Fiqah tidak dapat dilaksanakan.



Sebab itulah saya cuba untuk memaparkan sedikit sebanyak kes-kes hadhanah yang boleh diselesaikan melalui penguatkuasaan Undang-undang Keluarga Islam. Ini akan dapat memberi kesedaran dan keinsafan kepada ibu dan bapa, jika tanggung jawab terhadap hadhanah itu diabaikan maka kelayakkan untuk mengasuh anak mereka boleh dilucutkan.

Mahkamah Syari'yyah telah diberi bidang kuasa oleh Enakmen Pentadbiran perundangan Islam negeri dan juga Akta Parlimen untuk memberi pengadilan dalam menyelesaikan pihak-pihak yang bertikai. Hukum-hukum Islam lah yang akan menjadi panduan untuk membuat keputusan dalam satu-satu kes yang dipertikaikan. Dimasa kini bidang kuasa Mahkamah Syari'yyah berhubung dengan kes-kes Sivil sudah meningkat dan kes-kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah Syari'yyah sudah tidak boleh dibatalkan atau dibawa ke-Mahkamah Sivil lagi. Bidang kuasa ini telah diberi oleh Perlembagaan, Pindaan Bidang-kuasa Mahkamah Syari'yyah 121 (1A) Perlembagaan Malaysia. Bagi setiap orang Islam Negeri Selangor dan yang lainnya, yang telah memansuhkan atau telah meminda Akta penjagaan kanak-kanak 1961, tidak boleh lagi membuat permohonan penjagaan anak di-Mahkamah Sivil, tetapi kes tersebut hendaklah dikemukakan di-Mahkamah Syari'yyah untuk dibicarakan dan diberi perintah penjagaan anak berlandaskan undang-undang Islam yang suci.

Saya berharap semoga dengan Tesis yang kecil ini dapat memberi manfaat kepada diri saya khususnya dan pembaca amnya agar dapat mengetahui sedikit sebanyak akan hak yang diberi oleh Islam dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam. Semoga ia dapat membawa penyelesaian kepada pihak-pihak yang memerlukannya.

## BAB PERTAMA

### HADHANAH DAN BIDANG KUASA MAHKAMAH SYARI'YAH

#### A - DEFINASI HADHANAH

Definasi Hadhanah dari segi Bahasa :

Hadhanah diambil daripada perkataan "Al-Hidnu" yang membawa makna peluk, dakap atau kelek. (1)

Hadhanah berasal dari perkataan "Al-Hidn" yang membawa erti lambung. Seperti perkataan "Hadhana ath-taairu baidhahu" ertinya burung itu mengepit telur dibawah sayapnya. Begitu juga dengan perempuan (ibu) yang mengepit anaknya. (2)

Definasi Hadhanah dari segi syarak :

Hadhanah membawa makna memelihara atau membela orang-orang yang tiada boleh hidup dengan bersendirian (tiada tahu mengawal hal keadaan dirinya) untuk kebbaikannya dan menolak perkara-perkara yang memudharatkannya seperti kanak-kanak atau orang-orang gila.

Hadhanah ialah menjaga, memimpin dan mengatur segala hal anak-anak yang belum dapat menjaga dan mengatur dirinya. (4)

- 
- (1) Idaman Penuntut pada menghuraikan yang kusut.  
Penggal kedua Hj. Abdul Ghani bin Hj. Yahya. m.s. 145.
  - (2) Fiqah Islam oleh Haji Sulaiman Rasyid. ATTAHIRIAH JAKARTA. m.s. 403
  - (3) Idaman Penuntut pada menghuraikan yang kusut.  
Penggal kedua Hj. Abdul Ghani bin Hj. Yahya. m.s. 145.
  - (4) Fiqah Islam oleh Haji Sulaiman Rasyid. ATTAHIRIAH JAKARTA. m.s. 403

Para ahli fiqah mendefinisikan "Hadhanah" sebagai melakukan pemeliharaan anak-anak yang masih kecil, lelaki ataupun perempuan atau yang sudah besar, tetapi belum tamyiz, tanpa perintah daripadanya menyediakan yang menjadikan kebajikannya, menjaganya dari sesuatu yang menyakiti dan merusakkannya, mendidik jasmani dan akalunya agar mampu berdiri sendiri menghadapi hidup dan memikul tanggung-jawabnya. (5)

#### Kesimpulan Definasi :

Kesimpulan dengan pengertian Hadhanah atau taarif yang telah disebutkan diatas tadi, bahawa hadhanah adalah suatu tugas penting yang perlu atau mesti dipikul oleh setiap ibu bapa kanak-kanak itu. Jika kanak-kanak itu tiada ibu bapa atau ibu bapa hilang kelayakkan untuk mengasuhnya, maka Hukum Islam telah menetapkan orang tertentu yang wajib atau perlu mengasuhnya. Islam amat menitik beratkan tentang pengasuhan kanak-kanak yang masih kecil kerana dia adalah yang akan menjadi pewaris dimasa akan datang. Pengasuhan amat perlu terhadap kanak-kanak tersebut. Jika sekiranya kanak-kanak tersebut ditinggalkan bersendirian, maka kanak-kanak tersebut akan rosak binasa dan pembesarannya pun tidak akan sempurna seperti yang diharapkan oleh Islam.

---

(5) Fiqah Sunnah SAYAID SABIQ. Alih bahasa DRS MD. THALIB.  
Juzuk 8. m.s. 160.

## B - DALIL-DALIL

Banyak dalil-dalil yang menunjukkan wajib perlu dan mustahaknya kanak-kanak yang masih kecil diberi pengasuhan dan penjagaan yang baik agar proses pembesarannya tidak mengalami gangguan sama ada dari segi fizikal, mental, rohani dan akhlaknya. Ini ada dijelaskan didalam Al-Quran dan Al-Hadis tentang perlunya penjagaan kanak-kanak tersebut.

Dalil dari Al-Quran :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلَكُمْ نَارًا

Maksudnya :

Wahai orang-orang yang beriman, pelihara dan jagalah diri-diri kamu dan ahli keluarga kamu dari api neraka. (6)

Ayat diatas menjelaskan kepada kita bahawa menjaga ahli keluarga (termasuk kanak-kanak kecil dibawah jagaannya) untuk diberi penjagaan yang baik, dengan cara menguruskan kanak-kanak itu dengan baik seperti yang dituntut oleh ajaran Islam, agar kanak-kanak itu akan mengalami proses pembesaran dengan asuhan dan pendidikan yang mulia.

---

(6) Surah Al-Tahrim, Ayat 6.

Dari ayat Al-Quran yang lain :

وَسْتَفْتُونَكَ فِي النِّسَاءِ قُلِ اللَّهُ يَفْتِيكُمْ فِيهِنَّ وَمَا  
يُنَادِي عَلَيْكُمْ فِي الْكُفْرِ فِي بَيْتِ النِّسَاءِ النَّبِيُّ لَا تَوْتِرْنَهُنَّ  
مَا كُنَّ لِهِنَّ وَتُرْغَبُونَ أَنْ تَنْكُوهُنَّ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ  
الْوِلْدَانِ وَإِنْ تَقْرُبُوا لِلبَيْتِ بِالضُّسْرِ ۖ وَمَا تَفْعَلُوا مِنْ  
خَيْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِهِ عَلِيمًا .

Maksudnya :

Dan mereka meminta fatwa kepada Mu (Wahai Muhammad) mengenai (hak dan kewajiban) kaum perempuan. Katakanlah oleh Mu, Allah akan memberi keterangan (fatwa) kepada kamu mengenai mereka dan juga (ada difatwakan) didalam apa yang selalu dibacakan kepada kamu dalam Kitab (Al-Quran) ini mengenai perempuan-perempuan yatim yang kamu tidak memberi kepadanya apa yang telah ditetapkan menjadi hak mereka, dan yang kamu suka berkahwin dengan mereka dan juga mereka, anak-anak yang lemah (yang masih kecil lagi) dan (kamu juga diwajibkan) supaya menguruskan (hak dan keperluan) anak-anak yatim dengan adil. Dan ingatlah apa juga kebaikan yang kamu lakukan (kepada mereka) maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahwinya. (7)

---

(7) Al-Quran dan Terjemahan. Penerbit Pusaka Antara Surah Al-Nisa  
Juzuk 5, Ayat 127.

Ayat ini menjelaskan kepada kita bahawa sesiapa sahaja yang telah dipertanggung-jawabkan dan kewajipannya untuk menguruskan atau menjaga anak-anak yatim, maka hendaklah ia menunaikan dengan seadil-adilnya. Oleh kerana kanak-kanak yang masih kecil yang tiada ibu atau bapa itu tidak dapat menguruskan dirinya sendiri. Dengan itu dia masih dianggap lemah dan belum mampu untuk berdikari.

Dalil daripada Al-Hadis :

عن عبد الله بن عمرو بن امرأة قالت : يا رسول الله ان النبي هذا كانت بطه له وعاء وتدبر له سفاء ومجرب له هوا وان اباه طلقه واراد ان ينزعه من فقال لهما رسول الله صلوا عليه وسلم ، انت احق به مالم تنكح .

Maksud Hadis :

Sabda Nabi Muhammad S.A.W. Abdullah bin Amru meriwayatkan bahawasanya telah datang seorang perempuan menemui Rasulullah (S.A.W) dan bertanya "Ya Rasulullah, ini adalah anakku, perutku lah yang mengandungnya, susuku lah yang memberi minum, pangkuanku yang memangkunya, sesungguhnya bapanya telah menceraikan aku dan dia hendak mengambil anaknya dengan paksa daripada aku". Sabda Rasulullah (S.A.W) kepadanya "Sesungguhnya engkau lah orang yang berhak menjaga anak itu selagi engkau belum bernikah. (8)

---

(8) Al-Kahlani. Muhammad bin Ismail, Sublal Salam  
Jilid 3, Halaman 227.

Dari Hadis yang lain :

كنت جالسا عند النبي صلى الله عليه وسلم فجاء امرأة  
فقال يا رسول الله ان زوجي يريد ان يذهب بايني  
وقد سقاني بيتر ابي عنبيه وقد نفعني فقال صلى  
الله عليه وسلم استهما عليه فقال ابوه من جافق  
في ودي؟ فقال صلى الله عليه وسلم هذا ابوك و  
هذه امك فخذ بيد ابنتهما شئت فاخذ بيد امه  
فانطلقت به .

Maksud Hadis :

Sewaktu saya (Abi Hurairah R.A) berada disamping Rasulullah (S.A.W), Seorang perempuan datang kepada baginda dan berkata "Ya Rasulullah, (bekas) suamiku mahu mengambil anakku pergi sedangkan dia selalu membawa kepadaku air dari telaga Abi Autbah, dan berfaedah untukku. Sabda Rasulullah (S.A.W) "Padanya ada warisan kamu berdua" jawab bapa budak itu "Siapakah boleh meragui aku mengenai anakku?" Sabda Rasulullah "Ini bapamu dan ini ibumu, peganglah tangan mana satu antara keduanya yang kamu suka". Anak itu memegang tangan ibunya lalu emaknya membawa dia pergi. (9)

---

(9) Sublal-Salam, Jilid 3, Halaman 228.



**Dari Hadis Nabi :**

Al-Bara' bin A'zib, Telah berlaku perselisihan berhubung anak Hamzah, diantara Ali, Jaafar dan Zaid. Maka berkata Ali, "Aku lebih berhak tentang penjagaan dia adalah anak bapa saudaraku" dan berkata Jaafar "Dia anak perempuan bapa saudaraku dan emak saudaranya dibawah tanggunganku" dan berkata Zaid "Dia anak perempuan saudaraku". Maka Rasulullah (S.A.W) telah memutuskan tentang penjagaan anak itu untuk emak saudaranya dan Nabi bersabda emak saudara sebagai ganti ibu. (10)

**Dalil Ijmak :**

Umat Islam telah bersetuju tentang perlunya atau wajibnya Hadhanah itu dipikul oleh ibu dan bapa sekiranya masih bersuami isteri, dan jika telah berpisah, maka ibulah yang lebih berhak tentang hadhanah anak-anak kecilnya atau orang-orang yang mengiringinya dari sebelah perempuan.

### **C - HIKMAH DISYARIATKAN HADHANAH**

Hikmah disyariatkan hadhanah ialah untuk mengatur tanggungjawab yang berhubung dengan penjagaan kanak-kanak dan pendidikannya (pengasuhannya). Apabila berlaku perpisahan suami-isteri atau perselisihan atau kesulitan keduanya berhubung dengan pengasuhan anak-anaknya.

---

(10) Nil-lul-Autar, Jilid 6, m.s. 328. Maktabah Taufikiah.

Maka jika dibiarkan perkara itu berlarutan ia akan berkesudahan dengan kesusahan kepada kedua-duanya. Jika sekiranya sentiasa berlaku perbalahan diantara suami-isteri maka berlakulah kezaliman kepada kanak-kanak itu dan hilanglah kepentingannya, dan boleh juga membawa kepada sebab-sebab kecelakaan dan kemusnahan terhadap kanak-kanak tersebut.

Maka oleh yang demikian itu, mestilah ditentukan golongan orang-orang yang bertanggung-jawab untuk menjaganya dan mengasuh kanak-kanak kecil tersebut. Golongan itu hendaklah mengikut keutamaan mereka. (11)

#### Hukum Hadhanah :

Mengasuh anak-anak yang masih kecil hukumnya adalah wajib. Sebab mengabaikannya bererti menghadapkan anak-anak yang masih kecil kepada bahaya kebinasaan. (12)

---

(11) Al-Fiqh-ul Min Hajji 'Ala Mazhabil Imam As-Syafie  
Al-Ahwalul-Syasiah li-Ahkamil-Usrah - Juzuk 4, m.s. 191.

(12) Fiqh Sunnah Syed Sabik. Juzuk 8, m.s. 160.

Kesimpulannya berdasarkan pengertian Hadhanah dan dalil-dalil dari Al-Quran dan Al-Hadis Rasulullah S.A.W. yang telah dikemukakan di-atas, bahawa Hadhanah adalah satu perkara penting yang mesti dilaksanakan. Ini disebabkan anak kecil adalah bersifat lemah dan tidak mampu untuk menjalani hidup hariannya dengan bersendirian.

Oleh itu Syarak' memandang berat tentang penjagaan anak, Syarak' juga telah menentukan ibu lah yang paling layak menjadi pengasuh anak-anaknya. Jika kelayakkan si-ibu telah hilang, maka penjagaan anak berpindah kepada orang yang telah ditentukan oleh Syarak' mengikut keutamaannya. Walau apa pun yang berlaku di-antara penjaga-penjaganya, kepentingan kanak-kanak lebih diutamakan.

Hikmahnya supaya si-anak itu akan hidup membesar dengan lebih sempurna. Perkara ini wajib dilaksanakan oleh ibu atau bapa atau orang yang telah ditentukan oleh Undang-undang Syarak'. Kewajipan ini tidak boleh diabaikan, dan mengabaikannya bererti menghancurkan masa depan anak itu.

## BAB KEDUA

### A. SEBAB-SEBAB DIWAJIBKAN HADHANAH

Sebab-sebab diwajibkan Hadhanah terhadap kanak-kanak yang masih kecil ialah apabila berlakunya perpisahan diantara suami-isteri dan mereka mempunyai anak yang masih kecil seperti berikut :

1. Perpisahan disebabkan perceraian.
2. Perpisahan disebabkan Fsakh.
3. Perpisahan disebabkan Lian.
4. Perpisahan disebabkan Mati. (1)

Pada asalnya hadhanah itu ialah tanggung-jawab ibu dan bapa bersama. Oleh kerana berlaku perkara-perkara seperti diatas maka tidak munasabah hadhanah itu boleh dilakukan oleh keduanya. (2) Apabila berlaku perceraian ini bererti berpisah lah suami dan isteri. Kalau dahulunya mereka ini boleh tinggal atau hidup bersama, tetapi dengan berlakunya perceraian maka hidupnya berasingan. Maka dengan ini kanak-kanak yang ibu-bapanya sudah bercerai terpaksa diasuh oleh salah seorang dari mereka seperti akan datang keterangannya.

---

(1) Al-Fiqh Islam Wal-adillatuhu Dr. Wahabah Al-Zuhaili J. 7 m.s. 178.

(2) Ilmu Al-Fikah : Idaman Penuntut Juzuk 2 m.s. 145.

## B. IBU LEBIH BERHAK MENJAGA (HADHANAH) DARIPADA BAPA

Pada asalnya hak penjagaan kanak-kanak ialah kepada kedua ibu bapa. Selagimana ia masih dalam tempoh perkahwinan, penjagaan atau pengasuhan ini dilakukan adalah semasa kanak-kanak itu masih kecil hinggalah ia boleh berdikari. Jika berlaku perceraian diantara suami isteri maka kewajipan untuk menjaga kanak-kanak ditanggung oleh ibunya. Ini adalah kerana ia bersesuaian dengan tabiat semula jadi seorang perempuan. Maka dengan itu Islam memberikan hak menjaga dan mengasuh kanak-kanak itu dengan mengutamakan kepada perempuan-perempuan muhrimnya. Dengan itu ibu kanak-kanak itulah yang lebih berhak sekali untuk mengasuh, kerana dia mempunyai sifat belas kasihan dan kesabaran yang sepenuhnya terhadap anaknya. (3)

Menurut hukum Syarak', seseorang yang telah bercerai dengan isterinya, dimana suami isteri itu mempunyai anak, maka orang yang berhak dan yang sepatutnya memelihara dan menjaga anak itu ialah si-isteri. (4)

---

(3) Asas kekeluargaan Islam oleh Hassan Salleh  
DBP Kementerian Pendidikan Malaysia 1989.

(4) 400 Soal Jawab Nikah Kahwin oleh Hj. Said Hj. Ibrahim m.s. 176.

Pendapat ini didasarkan kepada bahawa wanita itu lebih baik melaksanakan pendidikan dan pengasuhan dibandingkan dengan lelaki. Disamping itu wanita pada umumnya lebih berada dirumah. Sedangkan lelaki lebih banyak mempunyai pekerjaan diluar rumah. Sifat-sifat dan keadaan ibu itu sangat diperlukan bagi seseorang yang akan mengasuh anak dan mendidiknya. (5)

Demikianlah yang dikatakan oleh Abu Bakar tentang sifat-sifat ibu, iaitu perasa dan lebih halus. (6)

Al-Jash-Shash berkata dalam Ahkamul-Quran, jika Si-ibu itu masih dalam keadaan menyusukan, maka ibulah yang lebih berhak kepada anak itu, sekalipun yang menyusui itu bukan dia sendiri, kerana kami tahu bahawa anak dikala berada ditempat ibunya itu adalah hak ibu dan ibu adalah hak anak juga. Sebab Si-ibu lebih menaruh belas kasihan dan sayang kepada anak. Sifat itu adalah suatu yang sangat perlu dalam penjagaan anak. (7)

---

(5) Asas-asas Hukum Islam Tentang Perkahwinan oleh Dr. Kamal Mukhtar P.N. Percetakan Negara R. I. Jakarta.

(6) Fiqh Sunnah Jilid 8. m.s. 163 oleh Syed Sabiq.

(7) Perkahwinan dan persoalannya. Bagaimana peranannya dalam Islam oleh Muammal Hamidy. m.s. 152

Tujuan hadhanah ialah untuk menjaga muslihat dan kepentingan anak itu. Pengertian hadhanah ialah memelihara dan mengasuh anak-anak kecil hingga ia besar dan pandai berkata-kata dan menjawab pertanyaan orang lain. Untuk memelihara anak-anak yang belum "memayyis" maka ibu adalah lebih berhak daripada bapanya kepada kanak-kanak itu, mengikut Hukum Syarak. (8)

Kita telah mengetahui bahawa hak penjagaan anak-anak adalah diutamakan kepada ibunya, ini tertakluk kepada keupayaan ibu itu untuk memenuhi syarat-syarat yang telah ditentukan oleh syarak sebagai "Hadhanah".

Dalam hal ini ibu diberi keutamaan untuk menjaga dan mengasuh anaknya, kerana wanita telah dijadikan oleh Allah dengan sifat lemah lembut dan kasih sayang. Keadaan ini adalah bersesuaian sekali dengan jiwa anak-anak yang masih kecil dan memerlukan belaian kasih sayang dari seseorang yang bergelar ibu. Ibu lebih mempunyai kesabaran dalam mendidik anak-anak. Ibu juga apabila mengasuh atau mendidik anak-anaknya lebih menumpukan perhatian, tidak seperti lelaki. (9)

---

(8) Undang-undang kekeluargaan Islam. Konsep dan perlaksanaannya di Malaysia oleh Mahmood Zuhdi Hj. Abdul Majid. m.s. 194.

(9) Al-Fiqh ul Minhaj. Al-Ahwallul Sahsiah. Juzuk 4. Dr. Mustafa Al-Hin. Dr. Mustafa Al Bugha'. m.s. 192.

(a) Sebab-sebab diutamakan ibu daripada bapanya

Ulamak memberikan keutamaan kepada ibu dari bapanya dalam menjaga anak-anaknya semasa kanak-kanak itu masih kecil, belum mumayyiz, dan selagi ibu itu masih mempunyai syarat-syarat hak mengasuh dan tidak hilang kelayakkan sebagai pengasuh atau penjaga terdapat dua sebab berikut :

1. Ibu mempunyai sifat kasih belas dan kesabaran diatas persediaan menjaga dan mendidik anak-anaknya.
2. Ibu mempunyai sifat lemah lembut sebagai penjaga kanak-kanak dan pengasuh, dan mampu berusaha untuk mendapat sesuatu yang diperlukan dalam khadanah daripada sifat-sifat lemah lembut, kasih sayang dan penyayang.

Dengan kedua-dua sebab ini para ulamak bersetuju untuk memberi keutamaan penjagaan anak-anak yang masih kecil diserahkan kepada ibunya.

(b) Dalil-dalil

Ini adalah berdasarkan hadis Rasulullah S.A.W. yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Amru Ibnul As mengenai seorang perempuan yang telah diceraikan oleh suaminya, dan mempunyai seorang anak lelaki. Suaminya hendak mengambil anak tersebut untuk dipelihara dan dijaganya, maka perempuan tersebut datang menemui Rasulullah S.A.W. seraya berkata :